

KKM jamin tubuh jawatankuasa bebas

Kaji keberkesanan undang-undang sebelum dikuatkuasakan pada 2025



Oleh Suzalina Halid
suzalina@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kementerian Kesihatan (KKM) memberi jaminan akan menubuhkan jawatankuasa bebas untuk mengkaji Rang Undang-Undang (RUU) Kawalan Produk Tembakau dan Merokok 2022, sebelum dikuatkuasakan pada 2025, walaupun penilaian mandatori tidak diperuntukkan dalam undang-undang berkenaan.

Menterinya, Khairy Jamaluddin, berkata KKM akan memberi lindung jamin di Dewan Rakyat nanti, bahawa jawatankuasa ini akan mengkaji keberkesanan undang-undang terbabit.

Mengulas lanjut katanya, kajian berhubung keberkesanan RUU itu juga akan dilaksanakan jawatankuasa bebas itu selepas tempoh 10 tahun undang-undang itu dikuatkuasakan dengan laporannya di-

bentangkan di Parlimen.

Direkod dalam hansard

“Laporan ini akan dibentangkan di Parlimen dan bukannya kepada KKM, selepas tempoh 10 tahun, kajian sama dibuat sama ada perundangan ini perlu dipinda jika tidak berkesan.

“Saya akan sebut dalam ucapan pembentangan nanti supaya ia direkodkan dalam hansard (penyata rasmi) bahawa menteri memberikan lindung jamin mengenai jawatankuasa bebas ini.

“Mengenai RUU ini, sebenarnya memang sudah ada Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau (PPKHT) 2004 contohnya membabitkan kesalahan merokok di tempat larangan.

“Jika sebelum ini, denda maksimum mengikut peraturan itu adalah RM10,000 namun untuk RUU ini ia diturunkan kepada

RM5,000. Cuma daripada aspek penjualan, kita perketatkan undang-undang... jadi kalau masih ada Ahli Parlimen tidak sokong, saya harap jangan ganggu laluan RUU ini,” katanya pada sidang media, di sini.

Pada masa sama, Khairy berkata, jaminan sama turut diberikan kepada Pengerusi Jawatankuasa Pilihan Khas Kesihatan, Sains dan Inovasi (PSC) Parlimen, Dr Kelvin Yii Lee Wuen, berhubung penubuhan jawatankuasa terbabit.

Katanya, sebelum ini PSC meminta supaya adanya penilaian mandatori terkandung di dalam RUU itu, selain syor lain jawatankuasa terbabit untuk dipermudahkan terapi gantian nikotin, tiada hukuman penjara dan rekod jenayah bagi GEG, selain memperbanyakkan program berhenti merokok dilaksanakan.

Apakah itu Generasi penamat (GEG)?

GEG merujuk kepada generasi yang dilahirkan pada

1 Januari 2007
dan seterusnya



Generasi ini

TIDAK BOLEH

- Menggunakan
- menghisap
- berada dalam milikan mereka



sebarang produk merokok termasuk rokok elektronik!

Apakah itu RUU Kawalan Produk Tembakau dan Merokok 2022?

Satu undang-undang bagi mengawal aktiviti promosi, penjualan, pembelian dan penggunaan sebarang produk tembakau termasuk rokok elektronik/vape serta larangan penggunaan produk merokok kepada generasi yang lahir pada **1 Januari 2007** dan seterusnya



Kenapa Malaysia melaksanakan peruntukan GEG dalam RUU Kawalan Produk Tembakau dan Merokok 2022?

- Melindungi generasi muda di Malaysia daripada menjadi mangsa ketagihan produk merokok termasuk rokok elektronik/vape
- Menurunkan peratus perokok di Malaysia, kepada kurang daripada **5% menjelang tahun 2040**

